

LIPISTOROL CAPSULE

Gemfibrozil (300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Lipistorol
2. Bagaimana Lipistorol berfungsi
3. Sebelum mengambil Lipistorol
4. Cara menggunakan Lipistorol
5. Semasa menggunakan Lipistorol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Lipistorol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Lipistorol

Lipistorol digunakan untuk merawat *hyperlipidaemia* (lemak yang keterlaluan dalam darah), dan juga untuk mencegah penyakit jantung dalam pesakit-pesakit *hyperlipidaemia*.

Bagaimana Lipistorol berfungsi

Lipistorol diklasifikasikan dalam golongan ubat dipanggil "*fibrates*" yang berfungsi untuk mengurangkan jumlah lemak (*lipids* dan *triglycerides*) dalam darah.

Sebelum mengambil Lipistorol

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah pada Gemfibrozil, ataupun apa-apa bahan lain dalam Lipistorol.
- anda menghidapi penyakit hati.
- anda menghidapi penyakit buah pinggang yang serius.
- anda pernah mempunyai penyakit saluran hempedu (*biliary tract disease*).
- anda hamil atau sedang menyusukan anak.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika:

- anda mempunyai apa-apa masalah pundi hempedu ataupun batu hempedu (*gall bladder* atau *gallstones*).
- anda mempunyai masalah tyroid ataupun masalah diabetik.
- anda mengalami masalah buah pinggang ataupun hati.

- anda menyusukan bayi, atau bercadang untuk menyusu.
- anda hamil, rasa anda hamil, atau bercadang untuk hamil.
- anda mengambil apa-apa ubat termasuk yang dibeli tanpa preskripsi, herba ataupun ubat tradisional.
- anda alah kepada mana-mana ubat lain, bahan makanan, pewarna atau pengawet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh mengganggu fungsi Gemfibrozil.

Ia termasuk:

- ejen antikoagulan seperti warfarin untuk mencairkan darah.
- statins seperti atorvastatin, simvastatin, lovastatin, pravastatin, dan rosuvastatin yang digunakan untuk mengurangkan kolesterol dan lemak *triglycerides*.

Interaksi lain yang tidak disenaraikan mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

Cara menggunakan Lipistorol

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memutuskan jumlah ubat yang anda perlu ambil berdasarkan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang ditetapkan oleh doktor anda.

Dos biasa ialah 1.2 gram (4 kapsul) Lipistorol setiap hari, dibahagikan kepada dua kali dosnya.

Lipistorol tidak disyorkan untuk kanak-kanak.

Telan kapsul sepenuhnya dengan meminum segelas air.

- Bila perlu digunakan

Makan Lipistorol 30 minit sebelum makan, selalunya dua kali sehari sebelum sarapan pagi dan sebelum makan malam.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil ubat ini seperti yang telah ditetapkan oleh doktor.

Doktor anda mungkin menghentikan rawatan anda dengan lipistorol selepas 3 bulan jika keputusan rawatan tidak memuaskan.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda bagi memenuhi dos yang terlepas.

Jika anda terlupa, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Tinggalkan dos tersebut jika hampir masa untuk mengambil dos yang seterusnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera sekiranya anda menyedari bahawa anda telah mengambil dos yang berlebihan.

Tanda-tanda dos berlebihan adalah:

- Ketidakselesaan abdomen
- Cirit-birit
- Ruam kulit
- Rasa loya
- Letih dan tidak bermaya

Semasa menggunakan Lipistorol

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor serta-merta sekiranya anda mengandung.
- Beritahu doktor jika anda bercadang untuk menyusukan bayi anda.
- Ikutkan masa rawatan untuk jumpa doktor dan ujian-ujian darah.
- Beritahu doktor jika anda mengambil apa-apa ubat untuk

LIPISTOROL CAPSULE

Gemfibrozil (300mg)

mengurangkan kolesterol ataupun gula darah.

- Elakkan makanan yang tinggi lemak atau kolesterol.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda
- ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali anda telah dinasihatkan oleh doktor atau pegawai farmasi
- berhenti dari mengambil ubat ini atau menukar dos yang telah ditetapkan dengan sesuka hati tanpa merujuk kepada doktor

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Minuman beralkohol akan menyebabkan keadaan bertambah teruk. Berhati-hati akan pengambilannya.

Berhati-hati apabila melakukan aktiviti-aktiviti seperti memandu dan mengendalikan mesin kerana Lipistotol mungkin akan menyebabkan pening-pening dan menjejaskan penglihatan anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan sampingan boleh menjadi serius tetapi kebiasaanya ia adalah ringan dan untuk tempoh sementara sahaja.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti yang berikut ketika pengambilan ubat ini:

- sakit perut
- pedih ulu hati
- cirit-birit
- ruam kulit
- keletihan yang luar biasa
- berat badan
- sakit kepala
- pening
- pruritis (kegatalan)
- alopecia (rambut gugur)

- anemia atau leukopenia (pengurangan sesetengah sel-sel darah putih)
- batu hempedu
- miositis (keradangan otot)

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor secepat mungkin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Lipistorol

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Lindungi daripada kelembapan.

Simpan Lipistorol Capsule di bawah suhu 25°C.

- Pelupusan

Tiada arahan yang ditetapkan. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak digunakan dengan betul.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna merah manggis legap dan putih legap dengan "HD" dicetak pada satu hujung dan "GMB300" dicetak pada hujung yang satu lagi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
Setiap Lipistorol capsule mengandungi Gemfibrozil 300mg.
- Bahan Tidak Aktif
 - *Cornstarch*
 - *Polysorbate*
 - *Magnesium Stearate*
 - *Sodium Starch Glycolate*
 - *Lactose Monohydrate*
 - *Polyvinylpyrrolidone*

- Nombor MAL
MAL19950342AZ

Pengilang

HOVID Bhd.
Lot 56442, 7 1/2 Miles,
Jalan Ipoh / Chemor,
31200 Chemor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk
HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,
30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08 Julai 2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)050615/00145